

**Empat Pencarum Didenda Kerana Tipu Pengeluaran Kwsp  
Bernama  
9 May, 2013**

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Empat pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dikenakan tindakan undang-undang kerana kesalahan menipu pengeluaran simpanan antara Januari hingga Mac tahun ini. Pengurus Besar Perhubungan Awam KWSP Nik Affendi Jaafar berkata kesemua pencarum itu didapati bersalah dan didenda sejumlah RM6,200 oleh mahkamah mengikut Seksyen 59 Akta KWSP 1991. "Mereka berhadapan dengan hukuman penjara sehingga tiga bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini. Mengikut Akta KWSP, anggota yang didapati bersalah melakukan penipuan pengeluaran boleh dikenakan hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda sehingga RM10,000 atau kedua-duanya. Nik Affendi mengingatkan pencarum bahawa simpanan KWSP adalah untuk tujuan persaraan dan tidak boleh dimanipulasi bagi tujuan tertentu. Beliau turut meminta anggota KWSP supaya tidak dipengaruhi sindiket yang menawarkan untuk membantu mereka mengeluarkan simpanan KWSP secara penipuan kerana ini adalah kesalahan yang serius daripada segi undang-undang. Anggota KWSP yang mempunyai maklumat mengenai sebarang kegiatan penipuan diminta menghubungi talian hotline Anti-Fraud KWSP di 03-26162121.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948569>